



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	22/10/2012

Sumbangan dana politik bukan baru

Oleh **KHAIRUL ABIDIN NUAR** um 22/10/2012
khairul.nuar@utusan.com.my

PARIT 21 Okt. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan sumbangan dana kepada parti politik sebagai persiapan menghadapi pilihan raya bukan suatu perkara yang baru.

Dr. Mahathir berkata, perkara seumpama itu juga berlaku pada era pemerintahannya dan ia bukan sahaja melibatkan parti kerajaan tetapi juga pembangkang.

"Sewaktu masa saya (Perdana Menteri), orang menyumbang banyak wang kepada parti bukan sahaja kepada kerajaan tetapi juga pembangkang. Mereka ambil langkah perlindungan sekiranya pihak pembangkang menang, mereka mahu berada dalam hubungan baik dengannya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis Konvokesyen ke-12 Universiti Teknologi Petronas (UTP) yang turut dihadiri isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Shamsul Azhar Abbas serta Naib Canselor UTP, Datuk Dr. Zainal Abidin Kasim di sini hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas isu penerimaan dana sebanyak RM40 juta oleh Badan Perhubungan UMNO Sabah yang dijadikan polemik politik oleh pemimpin pakatan pembangkang.

Mengakui tidak tahu menahu mengenai perkara itu, Dr. Mahathir berkata, sumbangan dana adalah biasa bagi parti politik malahan ia menjadi lumrah di negara-negara lain termasuk Amerika Syarikat.

"Malah di Amerika, seperti yang anda maklum, anda tidak boleh menjadi seorang Presiden melainkan anda adalah seorang jutawan kerana anda memerlukan terlalu banyak duit," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai tarikh Pilihan Raya Umum Ke-13, Dr. Mahathir berpendapat ia sesuai diadakan pada bi-



DR. MAHATHIR Mohamad menyampaikan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia kepada Mohd. Abdul Hafiz Abu Tahir pada majlis konvokesyen UTP, semalam. Mohd. Abdul Hafiz lumpuh dari bahagian leher hingga kaki akibat kecederaan tulang.



DR. MAHATHIR Mohamed berbual dengan tiga pemenang Anugerah Canselor (dari kiri) Tan Xiao Ci (Anugerah Gangsa), Chan Wenzhen (Anugerah Emas) dan Mohamed Azwan Ismail (Anugerah Perak) diperhatikan oleh Dr. Zainal Abidin Kasim (empat dari kiri), Sidek Hassan dan Shamsul Azhar Abbas (kanan) pada Konvokesyen ke-12 Universiti Teknologi Petronas, Seri Iskandar, Perak, semalam.

la-bila masa termasuk tahun ini.

Beliau yang pernah menyarankan PRU-13 wajar diadakan dalam masa terdekat bagaimanapun berkata, ketetapan itu terserah kepada

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Kita sudah di penghujung, jadi tidak menjadi masalah diadakan sama ada pada penghujung tahun ini atau awal tahun de-

pan. Kita boleh tunggu, tetapi jika kita tunggu, orang lain (pembangkang) juga akan bersedia. Namun, semuanya bergantung kepada Datuk Seri Najib. Pandangan saya ada-

lah pandangan saya," katanya.

Terdahulu, seramai 1,267 mahasiswa UTP daripada pelbagai bidang jurusan kejuruteraan termasuk sistem maklumat perniagaan dan teknologi maklumat berjaya menamatkan pengajian pada tahun termasuk 154 mahasiswa di peringkat pasca siswazah.

Sempena majlis tersebut, bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan yang juga Pengerusi Petroliaam Nasional Berhad (Petronas), dimasyhurkan sebagai Pro Canselor UTP.